

PERUTUSAN PENGGERUSI

Y.A.M. TENGKU SYARIF BENDAHARA PERLIS SYED BADARUDIN
JAMALULLAIL IBNI ALMARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL



PARA PEMEGANG SAHAM DAN PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

Tempoh 12 bulan yang lalu merupakan fasa penting dalam perjalanan pembangunan berterusan kami, suatu tempoh di mana kami membina daripada fokus terdahulu untuk menjana nilai merentasi keseluruhan rantaian nilai serta memperteguh komitmen kami untuk Memberi Lebih — lebih nilai, lebih inovasi, dan lebih impak positif kepada semua pihak berkepentingan.

PERUTUSAN PENERUSA

Sebagai sebuah syarikat yang berteraskan lebih 140 tahun warisan, Memberi Lebih bukan sekadar aspirasi, malah merupakan satu tanggungjawab. Legasi kami sebagai antara jenama rumah tangga paling dipercayai di Malaysia mendorong kami untuk mengukuhkan peranan sebagai peneraju industri makanan dan minuman, memacu pertumbuhan berdaya tahan serta memperkukuh komitmen terhadap kelestarian jangka panjang.



MELABUR UNTUK PERTUMBUHAN

Bagi memberikan nilai yang lebih besar kepada para pihak berkepentingan, kami menyedari keperluan untuk terlebih dahulu melabur dalam keupayaan dalaman serta perniagaan kami. Pada Tahun Kewangan 2025, kami memberi keutamaan kepada pengukuhan asas perniagaan bagi memanfaatkan sepenuhnya peluang pertumbuhan serta memacu kemajuan yang mampan.

Pelaburan modal yang dilaksanakan telah membentuk asas yang kukuh bagi pertumbuhan masa hadapan. F&N AgriValley, yang kini menempatkan lebih 6,000 ekor lembu tenusu, telah memulakan operasi pengeluaran susu mentah sepanjang tahun pelaporan. Pencapaian ini menandakan satu kemajuan strategik dalam memperkukuh rantai bekalan tenusu kami serta meningkatkan keupayaan untuk membekalkan susu segar berkualiti tinggi pada harga mampu milik.

Loji kami di Butterworth telah mula menghasilkan air minuman dan minuman berkarbonat untuk pasaran di utara Semenanjung Malaysia, manakala pembinaan fasiliti pengilangan baharu di Kemboja terus berkembang dengan mantap, meletakkan kami dalam kedudukan kukuh untuk meningkatkan daya saing di seluruh pasaran Indochina.

Kesemua usaha ini mengukuhkan lagi asas perniagaan kami, memastikan F&NHB kekal berada dalam kedudukan yang kukuh untuk menyampaikan nilai mampan dalam jangka panjang.



Inovasi kekal menjadi teras dalam memacu relevansi dan kelebihan daya saing F&N. Bagi memenuhi citarasa pengguna yang sentiasa berubah, kami secara konsisten memperbaharui portfolio produk kami. Antara tawaran baharu tahun ini ialah F&N Sparkling Zero dan 100PLUS ZERO Power Peach, keduanya tanpa gula, serta F&N Magnolia 100% Fresh Milk UHT dan F&N NutriWell berasaskan tumbuhan, khusus untuk pengguna yang mengutamakan kesihatan.

MENYALURKAN LEBIH NUTRISI UNTUK NEGARA YANG BERDAYA TAHAN

Daripada pelbagai inisiatif strategik yang dilaksanakan sepanjang tahun, F&N AgriValley muncul sebagai pemacu transformasi utama, melangkaui pelaburan perniagaan dalam merealisasikan komitmen Kumpulan untuk Memberi Lebih dengan memperkukuh keselamatan makanan negara dan memenuhi keperluan nutrisi Malaysia, khususnya bagi generasi akan datang.

Ladang ini meraikan pelbagai pencapaian bermakna sepanjang tahun ini, daripada ketibaan ternakan pertama kami hinggalah kepada tuaian tanaman jagung pertama.

Antara pencapaian ini, kelahiran anak lembu pertama kami, Che Bedah, merupakan detik penting yang melambangkan pencapaian bermakna dalam merealisasikan misi kami untuk menyediakan susu berkhasiat bertaraf dunia yang dapat diakses dan dinikmati pada harga mampu milik oleh setiap isi rumah di Malaysia.

Melalui amalan kitaran lestari, F&N AgriValley membuktikan komitmen kami untuk membina ekosistem pertanian yang berdaya tahan dan mampan, menggabungkan penternakan tenusu moden, pengeluaran makanan ternakan lestari, serta pembuatan makanan berasaskan inovasi. Semua usaha ini memperkukuh komitmen kami untuk memajukan aspirasi Malaysia menuju tahap kemandirian yang lebih tinggi dan keselamatan makanan yang lebih kukuh.

PERUTUSAN Pengerusi

Usaha kami untuk *Member Lebih* melangkaui operasi ladang dengan memberi tumpuan kepada pemupukan generasi akan datang. Melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan, kami membekalkan susu segar kepada lebih 85,000 orang murid daripada keluarga B40 di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor menerusi Program Susu Sekolah,

Seiring dengan itu, F&N Magnolia telah memperluas inisiatif dengan melaksanakan kempen Tasty Goodness di 300 buah sekolah di seluruh Thailand, dengan pengagihan susu F&N Magnolia kepada seramai 350,000 orang pelajar di peringkat nasional bagi menggalakkan amalan pemakanan yang lebih sihat dalam kalangan murid sekolah.

MEMUPUK BAKAT, MELAHIRKAN JUARA

Memberi Lebih turut merangkumi usaha memperkasa rakyat Malaysia untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat dan aktif. Pada Tahun Kewangan 2025, kami memperkukuh komitmen berterusan kami terhadap pembangunan sukan dengan menyokong atlet serta komuniti di setiap peringkat, daripada program akar umbi hinggalah ke arena profesional.

Sebagai minuman isotonik terkemuka di Malaysia, 100PLUS telah sekian lama menjadi pemangkin kepada pembangunan sukan negara dengan mengilhamkan gaya hidup aktif. Pada tahun ini, kami telah memperbaharui kerjasama dengan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) serta memperkukuh kolaborasi bersama badan sukan utama lain, termasuk Majlis Sukan Negara, Persatuan Bola Sepak Malaysia dan Persatuan Penulis-Penulis Sukan Malaysia, bagi memajukan pembangunan sukan di peringkat nasional.

Di peringkat akar umbi, kami memupuk bakat muda melalui inisiatif seperti Kejohanan Bola Sepak Bawah 12 Tahun F&N Magnolia, yang dianjurkan bersama Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) Kementerian Pendidikan, serta Liga Bola Sepak Kementerian Pendidikan Malaysia 100PLUS, pertandingan tahunan unggul yang membangunkan atlet muda dan menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan belia.

100PLUS turut berperanan sebagai rakan rasmi hidrasi bagi acara-acara nasional utama, mengukuhkan peranannya sebagai simbol tenaga dan ketahanan yang menyatukan semua rakyat Malaysia. Dengan kehadiran kukuh dalam arena sukan dan hidrasi, 100PLUS sekali lagi merangkul Anugerah Emas di Putra Brand Awards 2024 dalam kategori Minuman Bukan Alkohol, serta menerima penghormatan di MSA Awards 2025 melalui kempen Dahagakan Apa Jua dan Pasti Stedi, sekali gus menegaskan kedudukannya sebagai jenama yang memacu gaya hidup aktif dan sihat.

MEMPERKUKUH INTEGRITI DAN KEPIMPINAN HALAL

Integriti Halal kekal menjadi teras komitmen F&NHB terhadap kualiti, keselamatan dan kepercayaan. Justeru, semua pekerja kami diwajibkan menjalani latihan kesedaran Halal bagi memastikan tanggungjawab bersama dalam mematuhi piawaian Halalan Toyyiban yang unggul.

F&NHB terus memacu agenda Halal di peringkat nasional dan global melalui kerjasama erat dengan pihak berkuasa Halal utama seperti JAKIM, Halal Development Corporation Berhad (HDC) dan pelbagai Majlis Agama Islam Negeri. Sepanjang tempoh tersebut, kerjasama kami dengan HDC di bawah Program Perkongsian Sumber Halal (Halal Sourcing Partnership Programme) terus meningkatkan kapasiti PKS dalam rantai bekalan Halal, dengan empat PKS berjaya disenaraikan sebagai vendor kami dan enam lagi menjalani program bimbingan. Penyertaan kami dalam Seminar Sektor Halal 2024 anjuran HDC turut menegaskan komitmen kami untuk memajukan ekosistem Halal melalui kerjasama industri.

Pada tahun ini, kami turut memupuk kesedaran Halal dalam kalangan generasi muda melalui Halal Smart Camp di Johor, yang dianjurkan bersama International Institute for Halal Research and Training (INHART) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) serta Pejabat Pendidikan Daerah Kota Tinggi. Berdasarkan kejayaan program ini, kami merancang untuk memperluas pelaksanaannya ke lebih banyak kawasan di seluruh negara.

Usaha kolektif kami, yang menekankan komitmen padu Kumpulan terhadap kecemerlangan Halal, telah membawa F&NHB merangkul ASEAN Halal Brand Award 2025 sebagai pengiktirafan terhadap piawaian Halal kami yang cemerlang serta sumbangan kami kepada pembangunan ekonomi di rantau ini.



PERUTUSAN Pengerusi



MEMPERKASA PEKERJA

Seiring dengan transformasi perniagaan kami, kami menyedari bahawa kemajuan hanya dapat dicapai melalui keupayaan dan dedikasi tenaga kerja kami. Justeru, kami terus memupuk perkembangan mereka, meraikan pencapaian mereka serta mengutamakan kesejahteraan mereka secara menyeluruh.

Komitmen ini terbukti melalui pelbagai aktiviti sepanjang tahun yang menyatukan tenaga kerja kami dan memupuk semangat kesepaduan yang kukuh. Dari Hari Ibu Bapa dan sambutan perayaan hingga sambutan Hari Merdeka dan Hari Malaysia, setiap majlis mengukuhkan lagi nilai perpaduan dan semangat komuniti kami. Kami juga menggalakkan gaya hidup aktif dan kerjasama melalui aktiviti sukan seperti Kejohanan Boling F&NHB, yang menghimpunkan 240 Fraserians daripada seluruh Kumpulan, serta Kejohanan Badminton F&N 2025, yang menyaksikan penyertaan lebih 70 pasangan mewakili pelbagai unit perniagaan.

Di Thailand, Hari Sukan seluruh syarikat menghimpunkan 180 pekerja untuk pertandingan mesra dan aktiviti berkumpulan, sekali gus memupuk kerjasama yang lebih erat serta rasa kekitaan dalam organisasi.

Kesejahteraan pekerja kekal sebagai keutamaan utama. Ceramah kesihatan dan saringan kesihatan membantu pekerja sentiasa maklum dan proaktif terhadap kesejahteraan mereka, dengan topik merangkumi kesihatan jantung dan pencegahan strok. Selain itu, program vaksinasi influenza tahunan kami telah menjangkau 1,600 pekerja di seluruh Malaysia dan Thailand, menyokong tenaga kerja yang lebih sihat dan berdaya tahan.

Kami juga meneruskan tradisi jangka panjang dalam meraikan kecemerlangan akademik melalui Anugerah Pengerusi F&N, yang mengiktiraf pencapaian cemerlang anak-anak pekerja. Tahun ini, RM290,000 dalam bentuk ganjaran tunai telah disampaikan kepada 82 pelajar menengah dan tinggi atas pencapaian akademik dan kokurikulum mereka.

Komitmen kami dalam membina persekitaran kerja yang progresif dan melibatkan pekerja turut menerima pengiktirafan luar. F&NHB telah dinobatkan sebagai Naib Johan dalam kategori Barangan Pengguna Cepat Laris (Fast-Moving Consumer Goods) di Graduates' Choice Awards 2024, sekali gus menegaskan reputasi kami sebagai majikan pilihan dalam kalangan tenaga kerja masa hadapan Malaysia. Kami turut menerima Anugerah Perak bagi Kecemerlangan dalam Penggunaan Teknologi Sumber Manusia di HR Excellence Awards 2024, sebagai pengiktirafan terhadap kejayaan kami memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti pengurusan sumber manusia.

MEMPERKASA KOMUNITI

Seiring dengan perkembangan pesat Kumpulan F&N, kami kekal teguh dalam komitmen untuk menyampaikan lebih banyak manfaat kepada komuniti setempat, memupuk semangat muhibah dan kebersamaan, serta menyumbang secara lebih bermakna kepada pembangunan dan kesejahteraan jalinan sosial negara.

Bagi Tahun Kewangan 2025, kami meneruskan libat urus bersama komuniti di seluruh Malaysia sempena musim perayaan, iaitu antara waktu paling bermakna bagi ramai rakyat Malaysia.

Program libat urus berskala nasional kami sempena Ramadan, Hari Raya, Tahun Baharu Cina dan Deepavali telah menceriaan lebih 150,000 individu daripada golongan kurang berkemampuan serta penghuni pusat jagaan. Pada tahun ini, inisiatif libat urus sempena Deepavali turut memberi penghargaan kepada atlet kebangsaan semasa dan bekas atlet, termasuk atlet para, atas sumbangan mereka terhadap legasi sukan negara.



Seiring dengan semangat Hari Raya, kami membawa kegembiraan dan memastikan kesegaran kepada rakyat Malaysia yang sedang dalam perjalanan balik ke kampung dengan mengedarkan 30,000 unit minuman F&N di plaza tol utama. Sementara itu, 100PLUS meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan hidrasi dan menggalakkan gaya hidup lebih sihat sepanjang bulan puasa melalui kempen *Misi Hidrasi Truck*.

PERUTUSAN PENERUSI

Selain musim perayaan, kami kekal teguh bersama rakyat Malaysia dalam menghadapi saat getir dan mencabar. Susulan banjir di Kelantan, F&N bekerjasama dengan usahawan Khairul Aming bagi mengedarkan air minuman F&N Ice Mountain kepada keluarga yang terjejas. Pada Januari, pasukan F&N AgriValley turut bekerjasama dengan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di Gemas untuk menyediakan bantuan asas banjir kepada isi rumah yang terkesan.

Seiring dengan semangat meningkatkan kesejahteraan komuniti, F&N Dairies Thailand telah menganugerahkan biasiswa bernilai 20,000 Thai Baht kepada 40 murid sekolah rendah yang layak daripada komuniti sekitar kilang Rojana. Di Malaysia, kerjasama kami dengan Montfort Boys Town memperkasa belia melalui latihan digital dan kulinari, termasuk sesi praktikal aplikasi makanan yang dikendalikan oleh cef dalaman kami. Program ini dapat membekalkan pelajar dengan kemahiran praktikal untuk kebolehpasaran pada masa hadapan.

Kesemua usaha ini sekali lagi menegaskan komitmen kami terhadap pendidikan serta memperkasa generasi akan datang untuk membantu membina komuniti yang lebih unggul dan berdaya tahan.

MENCIPTA NILAI UNTUK MASA HADAPAN YANG LESTARI

Seiring dengan komitmen kami terhadap kemajuan sosial, kami turut menekankan kepentingan melindungi planet yang menyokong kehidupan kita semua. Sehubungan itu, kami mencatat kemajuan yang kukuh dalam mengintegrasikan amalan mesra alam di seluruh operasi kami pada Tahun Kewangan 2025, sejajar dengan keutamaan kelestarian negara dan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDGs).

Melalui pelaburan berterusan dalam tenaga boleh diperbaharu, kami mempercepatkan peralihan ke arah masa hadapan rendah karbon. Pemasangan panel solar kami di seluruh Malaysia dan Thailand kini menjana lebih 19 juta kWh tenaga bersih setiap tahun — bersamaan dengan keupayaan penyerapan karbon kira-kira 88,000 pokok.

Pencapaian penting ini menandakan satu langkah signifikan dalam perjalanan penyahkarbonan kami serta menegaskan komitmen kami untuk menyokong sasaran tenaga boleh diperbaharu setiap negara.



Kami juga memajukan pendekatan kitaran merentais keseluruhan rantai nilai kami. Sepanjang tahun ini, kami meningkatkan purata kandungan bahan kitar semula dalam pembungkusan kami serta memperkenalkan botol polietilena tereftalat 100% boleh kitar semula (rPET) bagi air mineral BORNEO SPRINGS, dengan perancangan untuk memperluas penggunaan bahan kitar semula kepada lebih banyak rangkaian produk. Seiring dengan itu, kami telah mengurangkan dengan ketara jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan sejak tahun 2020. Kini, semua kilang minuman dan tenusu kami beroperasi pada tahap sifar sisa ke tapak pelupusan, membuktikan kemajuan yang kukuh ke arah masa hadapan kitar semula dan bersih.

Semenjak tahun 2007, kami secara aktif mempromosikan prinsip 5R di sekolah-sekolah di seluruh negara melalui kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan SWCorp menerusi Pertandingan Kitar Semula Antara Sekolah PERKISS. Sehingga kini, program ini telah melibatkan lebih 1,700 sekolah dan mengumpul lebih 10 juta kilogram bahan boleh dikitar semula. Pada tahun ini, program tersebut diperluaskan melalui jelajah di tapak, yang menjangkau lebih 3,000 pelajar dan menanamkan tabiat lestari sejak usia awal.

Sebagai usaha meminimumkan sisa buangan, kami menjalin kerjasama jangka panjang dengan Yayasan Bursa Malaysia, The Lost Food Project, Kechara Soup Kitchen dan Kembara Kitchen bagi menyalurkan lebih produk kepada komuniti kurang berkemampuan. Inisiatif pemulihan makanan ini telah berjaya mengagihkannya semula lebih 20,000 kg produk makanan kepada golongan yang memerlukan pada tahun ini.

Memperluaskan usaha penjimatan sumber ke Sarawak, kami memulakan projek penjimatan air di Kampung Warisan Bung Jagoi, dengan membekalkan lebih 5.5 juta liter air bersih setiap tahun.

Dilaksanakan melalui kerjasama dengan Jawatankuasa Pembangunan Kawasan Jagoi dan pihak berkepentingan tempatan, projek ini memastikan akses berterusan kepada air bersih untuk komuniti setempat serta menyokong pemuliharaan tapak warisan budaya yang penting ini.

PERUTUSAN Pengerusi

Dalam usaha kami untuk mengukuhkan asas kelestarian, kami secara proaktif menyelaraskan pendedahan kami dengan Piawaian Pendedahan Kelestarian di bawah International Financial Reporting Standards (IFRS) yang ditetapkan oleh Lembaga Piawaian Kelestarian Antarabangsa (ISSB), lebih awal daripada keperluan pelaporan berkaitan iklim Bursa Malaysia di bawah Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian Kebangsaan. Penyelarasan awal ini menegaskan komitmen kami terhadap ketelusan, akauntabiliti dan amalan terbaik global.

Secara keseluruhannya, semua inisiatif ini mencerminkan dedikasi kami terhadap pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan komuniti sebagai hasil yang saling mengukuhkan. Inisiatif ini turut memperkukuh asas bagi perniagaan yang lebih berdaya tahan dan mampan dalam jangka panjang, satu komitmen yang telah diiktiraf menerusi The Edge ESG Awards 2025 apabila F&NHB menerima Anugerah Emas dalam kategori Produk dan Perkhidmatan Pengguna.

Kami juga berbesar hati kerana prestasi kelestarian kami diiktiraf di peringkat global dengan penyertaan kami dalam S&P Global Sustainability Yearbook 2024, menduduki antara yang terbaik dalam sektor minuman.



DIVIDEN

Sejajar dengan komitmen kami untuk memberikan nilai yang konsisten kepada para pemegang saham, Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen akhir satu peringkat sebanyak 35 sen sesaham (TK2024: 33 sen sesaham), tertakluk kepada kelulusan para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Ini menjadikan jumlah dividen bagi Tahun Kewangan 2025 sebanyak 65 sen sesaham, dengan jumlah keseluruhan RM238.4 juta (TK2024: 63 sen sesaham atau RM231.1 juta), yang mewakili nisbah pembayaran dividen sebanyak 46.8% (TK2024: 42.5%).

Peningkatan berterusan dalam pengagihan dividen ini mencerminkan asas kewangan kami yang kukuh, ketahanan operasi serta pengurusan aliran tunai yang berdisiplin. Walaupun kami terus melabur bagi menyokong pertumbuhan masa hadapan, kami kekal komited untuk mengekalkan pulangan yang mampan kepada para pemegang saham.

PENGHARGAAN

Disatukan oleh tujuan bersama kami untuk Memberi Yang Lebih Baik, Tahun Kewangan 2025 merupakan tahun kemajuan yang berterusan bagi F&NHB, yang dicirikan oleh pelaksanaan strategi yang mantap serta pencapaian bermakna dalam cara kami berkhidmat kepada pengguna, warga kerja, komuniti dan negara.

Sebagai Pengerusi, saya berasa amat berbangga dengan sumbangan kolektif warga kerja kami, yang dipandu oleh kepimpinan teguh Ketua Pegawai Eksekutif kami, yang komitmen dan wawasan beliau menjadi tonggak penting dalam mengharungi persekitaran yang semakin kompleks. Walaupun berhadapan cabaran makroekonomi, kami kekal berdaya tahan dan wajar berbangga dengan prestasi kami pada tahun ini.

Dengan itu, Memberi Yang Lebih Baik bukan sekadar komitmen bersifat sementara, namun merupakan janji berterusan yang akan terus membimbing kami dalam memperkukuh asas untuk pertumbuhan dan kelestarian jangka panjang. Lembaga Pengarah kekal fokus dalam memberikan panduan dan pengawasan yang diperlukan untuk mengekalkan momentum ini.

Kami dengan sukacitanya mengalu-alukan kehadiran Encik Michael Lau Hwai Keong sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan Puan Tongjai Thanachanan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas. Pengalaman dan pandangan mereka yang pelbagai akan memperkukuh tadbir urus serta menyokong evolusi berterusan Kumpulan.

Saya juga ingin mengalu-alukan Encik Rahul Colaco sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Fraser and Neave, Limited. Pelantikan beliau menandakan babak baru yang menarik bagi Kumpulan ketika kami terus melabur dalam pertumbuhan dan memperkukuh kedudukan kami sebagai peneraju industri makanan dan minuman serantau.

Sewaktu Encik Colaco mengambil alih kepimpinan, kami mengucapkan selamat bersara dan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Encik Hui Choon Kit, yang bersara setelah lebih 25 tahun memberikan khidmat cemerlang bersama Kumpulan. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan seluruh warga F&N, saya ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Encik Hui atas kepimpinan, kebijaksanaan dan integriti beliau, yang telah menjadi panduan utama F&N dalam landskap perniagaan yang dinamik.

Sebagai sebuah organisasi yang bersatu, marilah kita terus maju dengan penuh keyakinan — Memberi Yang Lebih Baik dari segi nilai, inovasi, dan impak kepada semua pihak berkepentingan, sambil memacu kelestarian dan kemakmuran jangka panjang bagi perniagaan kami.

Y.A.M. Tengku Syarif Bendahara Perlis Syed Badarudin
Jamalullail Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail
Pengerusi